


# GARIS PANDUAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN 2.0



KEMENTERIAN TENAGA  
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KeTTHA)



## GARIS PANDUAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN 2.0



Diterbitkan Oleh:

**Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA),  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62668 Putrajaya, MALAYSIA.**

**Tel : (603) 8000 8000 Fax : (603) 8889 3712**

**Email : [webmaster@kettha.gov.my](mailto:webmaster@kettha.gov.my)**

**Laman Web : <http://www.kettha.gov.my>**

Hakcipta Terpelihara © 2018

Semua Hak Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, atau mana-mana storan maklumat dan sistem dapatan semula tanpa kebenaran secara bertulis daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

ISBN 978-967-5893-11-7



9 789675 893117

# Singkatan

<b>CITP</b>	Construction Industry Transformation Programme (Program Transformasi Industri Pembinaan)
<b>GGP</b>	Government Green Procurement (Perolehan Hijau Kerajaan)
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya Malaysia
<b>KDNK</b>	Keluaran Dalam Negara Kasar
<b>KeTTHA</b>	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
<b>LCC</b>	Life Cycle Costing (Kos Kitaran Hayat)
<b>LTAP</b>	Long-term Action Plan (Pelan Tindakan Jangka Panjang)
<b>MAMPU</b>	Malaysian Administrative Modernisation & Management Planning Unit (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia)
<b>MBE</b>	Model Baru Ekonomi
<b>MEPS</b>	Minimum Energy Performance Standard (Standard Prestasi Tenaga Minimum)
<b>NGTP</b>	National Green Technology Policy (Dasar Teknologi Hijau Negara)
<b>NREPAP</b>	National Renewable Energy Policy and Action Plan (Dasar Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pelan Tindakan)
<b>PKS</b>	Perusahaan Kecil dan Sederhana
<b>RMK-11</b>	Rancangan Malaysia Kesebelas
<b>RoHS</b>	Restriction of Hazardous Substances ( Sekatan Bahan Berbahaya)
<b>SC</b>	Steering Committee (Jawatankuasa Pemandu)
<b>SCP</b>	Sustainable Consumption and Production (Penggunaan dan Pengeluaran Lestari)
<b>STAP</b>	Short-term Action Plan (Pelan Tindakan Jangka Pendek)

# Kandungan


<b>1. Pengenalan</b>	<b>4</b>
1.1 Definisi	4
1.2 Kepentingan GGP	4
1.3 Potensi Khusus	5
1.4 Latar Belakang Dasar	5-6
1.5 Tujuan Garis Panduan	6
<b>2. Pelaksanaan GGP Pada Masa Hadapan</b>	<b>7</b>
<b>3. Pemilihan Produk/ Perkhidmatan</b>	<b>8</b>
3.1 Mengenai MyHIJAU	8
3.2 MyHIJAU Mark	9
3.3 MyHIJAU Directory	9 - 10
3.4 Kriteria bagi Produk Terpilih	10 - 11
<b>4. Pelaksanaan GGP</b>	<b>12</b>
4.1 Mengintegrasikan GGP dengan Dasar Sedia Ada	12
4.2 Pengurusan Permintaan	13
4.3 Mengintegrasikan Kriteria Alam Sekitar	13
4.3.1 Bidang Pengkhususan Perolehan	13
4.3.2 Spesifikasi Teknikal Produk, Perkhidmatan dan Kerja	14
4.4 Kaedah Verifikasi	14
<b>5. Penetapan Sasaran untuk Pelaksana GGP</b>	<b>15</b>
<b>6. Pemantauan dan Penilaian</b>	<b>15</b>
6.1 Pemantauan	15
6.2 Penilaian	15



## 7. Kriteria Khusus Kumpulan Produk GGP

16

Kriteria Khusus Bagi Peralatan ICT	16 - 18
Kriteria Khusus Bagi Cat	19 - 20
Kriteria Khusus Bagi Simen Gentian	21 - 24
Kriteria Khusus Untuk Lampu Dalaman Cekap Tenaga	25 - 32
Kriteria Khusus Untuk Kertas	33 - 34
Kriteria Khusus Untuk Tekstil	35 - 38
Kriteria Khusus Untuk Perabot	39 - 40
Kriteria Khusus Untuk Pencetak Serbaguna	41 - 42
Kriteria Khusus Untuk Sistem Penghawa Dingin	43 - 44
Kriteria Khusus Untuk Produk Pembungkusan Berasaskan Polimer Terbiodegradasi	45 - 47
Kriteria Khusus Untuk Peralatan Cekap Air	48
Kriteria Khusus Untuk Sistem Penuaian Air Hujan	49 - 50
Kriteria Khusus Alat Tulis (Produk Berasaskan Kertas)	51 - 52
Kriteria Khusus Untuk Produk Berasaskan Getah	53 - 54
Kriteria Khusus Bagi Perkhidmatan Pembersihan	55 - 57
Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Pusat Data Hijau	58 - 59
Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti Bangunan	60 - 61
Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Bengkel Automotif	62 - 64
Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Percetakan Berasaskan Kertas	65 - 67
Kriteria Khusus Perkhidmatan Hotel, Penginapan dan Pusat Latihan	68 - 69
Lampiran 1 - Pensijilan dan Skim Pelabelan	70 - 82
Lampiran 2 - Contoh Dokumen Teknikal Tender	83
Lampiran 3 - Contoh Laporan Ujian Makmal	84
Lampiran 4 - Pensijilan Global Recycle Standard untuk Produk Tekstil	85
Lampiran 5 - Contoh Laporan Teknikal Sirim Berhad	86
Lampiran 6 - Contoh Inventori Buangan Terjadual	87
Lampiran 7 - Contoh Pensijilan PEFC untuk Produk Berasaskan Kayu	88
Lampiran 8 - Contoh Lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak: Pengumpulan, Pemindahan Dan Pengangkutan Buangan Terjadual	89
Lampiran 9 - Contoh Surat Pengesahan Penggunaan Premis Pemerolehan Kembali/ Kontraktor Pengangkut	90
Lampiran 10 - Contoh Surat Pengesahan Penggunaan Premis Pemerolehan Kembali/ Kontraktor Pengangkut	91
Lampiran 11 - Contoh Surat Pengesahan Penggunaan Premis Pemerolehan Kembali/ Kontraktor Pengangkut	92
Lampiran 12 - Contoh Lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak Bagi Tujuan Pengumpulan Dan Pemindahan / Pengangkutan Buangan Terjadual	93
Lampiran 13 - Contoh Sijil MyHIJAU Mark Daripada Malaysian Green Technology Corporation	94
Lampiran 14 - Contoh Sijil Sirim Eko-Label Daripada Sirim Qas International Sdn Bhd	95
Lampiran 15 - Contoh Sijil Green Hotel Daripada Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	96
Lampiran 16 - Piawaian (Standard) 4R (Repair, Reuse, Recycle, Remanufacture)	97
Lampiran 17 - Piawaian (Standard) 2S (Service And Spare (Replacement) Parts)	98



# Pengenalan

## 1.1 Definisi

Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement; GGP) merujuk kepada pembelian produk, perkhidmatan dan kerja di sektor awam yang mengambil kira kriteria alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

GGP berpotensi meningkatkan kecekapan perolehan Kerajaan dan pada masa yang sama menggunakan kuasa pasaran awam untuk mentransformasi ekonomi Malaysia ke arah pertumbuhan hijau.

## 1.2 Kepentingan GGP

Perolehan Kerajaan memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi kerana ia mewakili kira-kira 12-15% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kerajaan telah menyedari kepentingan perolehan Kerajaan, terutamanya dalam mewujudkan peluang inovasi dan meningkatkan daya saing syarikat tempatan. Di samping itu, perolehan Kerajaan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang yang berpotensi untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan keyakinan perniagaan di Malaysia.

Kerajaan boleh menggunakan kuasa membeli yang besar untuk memacu ke arah pertumbuhan hijau melalui penggalakan perolehan produk dan perkhidmatan mesra alam. Secara tidak langsung, Kerajaan telah mewujudkan pasaran hijau seterusnya menjadi contoh ikutan kepada sektor swasta dan masyarakat umum.

Terdapat banyak faedah yang boleh dicapai melalui pelaksanaan GGP:

- Menyokong inovasi dan ekonomi domestik;
- Meningkatkan daya saing syarikat;
- Mewujudkan pasaran yang lebih besar dan baharu untuk penyelesaian kelestarian yang inovatif;
- Meningkatkan prestasi alam sekitar dalam perniagaan;
- Membantu mencapai matlamat alam sekitar negara;
- Membantu penjimatan jangka panjang;
- Menghasilkan produk yang berkualiti tinggi;
- Mewujudkan suasana kerja yang sihat;
- Meningkatkan imej sektor awam; dan
- Membangunkan dasar yang koheren.

Pelbagai manfaat yang diperolehi merupakan faktor GGP dilaksanakan secara meluas oleh kebanyakan negara di seluruh dunia.




### 1.3 Potensi Khusus

Matlamat Kerajaan ialah untuk memacu pembangunan ekonomi negara dan mencapai lestari, iaitu untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju yang inklusif dan lestari menjelang tahun 2020. Dasar Teknologi Hijau Negara (National Green Technology Policy; NGTP) telah digubal dan GGP dijadikan sebagai instrumen untuk mencapai aspirasi Kerajaan. Pelaksanaan GGP akan membantu Malaysia untuk mencapai sasaran pengurangan tahap pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030, iaitu 35% secara sukarela dan 10% lagi adalah bersyarat dan tertakluk kepada penerimaan bantuan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

### 1.4 Latar Belakang Dasar

Kerajaan mengakui kepentingan GGP dan langkah-langkah awal telah diambil untuk melaksanakannya. Antara komitmen Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) menuju kearah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan di bawah teras strategik keempat, di mana kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 20% perolehan hijau menjelang tahun 2020 ke arah mewujudkan pasaran hijau dan pendekatan penggunaan dan pengeluaran lestari. Pelan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (SCP Blueprint) akan dilancarkan dan memberi penekanan kepada GGP sebagai salah satu laluan bagi meyokong dan membimbing dalam melaksanakan aktiviti bagi pertumbuhan hijau di dalam RMK-11;
- ii. Matlamat jangka masa sederhana bagi Dasar Teknologi Hijau Negara menyatakan bahawa teknologi hijau menjadi pilihan utama dalam perolehan;
- iii. Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) salah satu teras inisiatif bertumpu kepada projek-projek awam bagi menerajui amalan mampan yang meningkatkan standard bagi pembinaan, dengan bertumpu kepada projek awam bagi meningkatkan spesifikasi perolehan, pengagihan dan pencapaian sumber;
- iv. Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (NREPAP) menggariskan secara strategik dengan menggunakan kuasa perolehan kerajaan bagi merangsang Tenaga Boleh Baharu dan pertumbuhan industri yang memerlukan pelaksanaan pembinaan atau pengubahsuaian tender oleh kerajaan bagi menyediakan keutamaan teknologi Tenaga Boleh Baharu;
- v. Model Baru Ekonomi (MBE) mencadangkan polisi perolehan kerajaan bagi menggalakkan inovasi teknologi produk dalam menjadikan Malaysia sebagai satu 'platform ujian' bagi produk dan perkhidmatan baru yang mengutamakan peralatan cekap tenaga dan amalan pembuatan yang mampan;
- vi. Ucapan Bajet 2010 menekankan keutamaan produk dan perkhidmatan mesra alam dan produk yang mematuhi piawai teknologi hijau dan perolehan kerajaan; dan
- vii. Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) – Bermula 2015, inisiatif GGP telah menjadi sebahagian daripada kriteria penilaian di bawah Indeks SSR bagi agensi Sektor Awam oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



Terdapat beberapa Arahan Perbendaharaan (AP) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) yang menyokong pelaksanaan GGP seperti berikut:

- i) Pekeliling Perbendaharaan (Pekeliling Perbendaharaan PK1/2013 - Punca Kuasa, Prinsip, dan Dasar Perolehan Kerajaan)
- ii) 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Bil.2/2014
- iii) Surat Arahan (S/K.Kew/PK/D/1100/000000/11/511JLD.9 (11)) – Peluasan Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan di semua Kementerian termasuk agensi kerajaan persekutuan
- iv) Surat Arahan (KPKR Bil.17/2015 - Pelaksanaan Skim Penarafan Bangunan Hijau di Semua Projek JKR Dalam Rancangan Malaysia ke-11)
- v) Surat Arahan KKR (KPKR Bil.23/2012 – Garis Panduan Kos Kitaran Hayat)

## 1.5 Tujuan Garis Panduan

Hasrat Kerajaan untuk melaksanakan GGP telah diumumkan dalam ucapan bajet Kerajaan Persekutuan 2010. Keutamaan akan diberikan kepada produk dan perkhidmatan mesra alam yang mematuhi piawaian teknologi hijau. Oleh itu, Garis Panduan GGP dibangunkan untuk menggariskan keutamaan kepada produk dan perkhidmatan mesra alam dalam sektor awam yang dilaksanakan di agensi terpilih.

Garis panduan ini menyediakan maklumat yang berkaitan meliputi kumpulan produk/ perkhidmatan terpilih. Ia juga memberikan penerangan lanjut mengenai panduan asas pelaksanaan GGP kepada semua agensi dan pihak berkepentingan lain yang berminat.

Di samping itu, garis panduan ini dijadikan sebagai asas perundangan bagi melaksanakan GGP.



## 2. Pelaksanaan GGP Pada Masa Hadapan


Pelaksanaan GGP memerlukan perancangan yang betul dan melibatkan perubahan dalam amalan perolehan Kerajaan yang sedia ada. Oleh itu, Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP (Short-term Action Plan; STAP) 2013-2014 telah disediakan dan diluluskan pada 11 Julai 2013 oleh Jawatankuasa Pemandu GGP (SC) yang dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Pelaksanaan pelan tindakan bermula daripada Julai 2013 hingga Disember 2014. Lima (5) agensi pelaksana yang telah terlibat dalam melaksanakan projek perintis GGP adalah;

- 1) Unit Perancang Ekonomi;
- 2) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
- 3) Kementerian Kesihatan;
- 4) Kementerian Dalam Negeri; dan
- 5) Kementerian Pendidikan.

Pada tahun 2016, pelaksanaan GGP diperluaskan kepada 12 Kementerian / Agensi terpilih melibatkan 20 kumpulan produk. Kerajaan seterusnya telah memperluas pelaksanaan inisiatif GGP ini secara menyeluruh melibatkan semua kementerian dan agensi Kerajaan bermula tahun 2017 bagi mencapai aspirasi Kerajaan mencapai sasaran 20% GGP menjelang tahun 2020.

Hala tuju GGP di Malaysia akan berpandukan kepada Pelan Tindakan Jangka Panjang (Long-term Action Plan; LTAP) yang meliputi tempoh masa dari tahun 2016 hingga 2025. LTAP akan menggariskan peluasan pelaksanaan GGP kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di peringkat wilayah dan pihak berkuasa tempatan melibatkan pertambahan lebih banyak kategori produk dan perkhidmatan.

Bagi memastikan objektif GGP tercapai, LTAP akan diselarikan dengan aktiviti pelaksanaan GGP dalam tempoh RMK-11. LTAP akan ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi semasa fasa perintis dan peluasan pelaksanaan GGP di semua Kementerian dan agensi. Pengalaman ini bukan sahaja berkait secara langsung dengan aktiviti-aktiviti perolehan, tetapi juga dengan inisiatif sokongan seperti pembangunan kapasiti, komunikasi, pengurusan vendor, penyediaan tender, pemantauan dan lain-lain.




## 3. Pemilihan Produk/Perkhidmatan

### 3.1 Mengenai MyHIJAU

Program MyHIJAU merupakan program bersepadu yang berasaskan konsep pembangunan lestari (sustainable development) di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dengan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia).

Program ini memberi tumpuan kepada pengeluaran mampan (sustainable production) khususnya dalam menggalakkan pembuat, pengeluar dan pembekal tempatan menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau yang mesra alam; serta penggunaan mampan (sustainable consumption) iaitu tumpuan kepada pengguna dan pembeli dengan mempromosikan pasaran hijau serta menggalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau.





### 3.2 MyHIJAU Mark

MyHIJAU Mark mengiktiraf produk, peralatan dan sistem serta penyedia perkhidmatan yang telah disahkan oleh GreenTech Malaysia yang memenuhi piawaian alam sekitar tempatan dan antarabangsa.



MyHIJAU Mark merupakan satu pengiktirafan dari Kerajaan untuk produk dan perkhidmatan yang telah mendapat pensijilan hijau serta mematuhi standard alam sekitar tempatan atau antarabangsa.


Pengiktirafan ini diberikan dengan menggunakan satu logo yang memudahkan pengguna dan pembeli untuk mengenali produk dan perkhidmatan hijau di pasaran tempatan. Ia juga dapat mengurangkan kekeliruan di kalangan pengguna tentang pelbagai simbol atau label logo yang berkaitan alam sekitar. MyHIJAU Mark juga dijadikan sebagai satu panduan yang boleh dipercayai kepada pengguna dalam membuat keputusan pilihan dan pembelian untuk produk atau perkhidmatan hijau

### 3.3 MyHIJAU Directory

MyHIJAU Directory merupakan rujukan yang lengkap bagi produk dan penyedia perkhidmatan yang telah disahkan serta mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark, dikategorikan dengan maklumat terperinci berserta penerangan. MyHIJAU Directory akan juga menjadi sumber rujukan kepada kementerian / agensi dan syarikat dalam membuat keputusan pembelian hijau.

Kategori di bawah MyHIJAU Mark Products:

- 1) **Pelabelan dan Pensijilan Hijau ( Eko label Jenis Pertama berdasarkan ISO 14024)**  
Contoh: Skim Pelabelan Eko SIRIM
- 2) **Pelabelan dan Pensijilan Hijau ( Eko label Jenis Ketiga berdasarkan ISO 14025)**  
Contoh: Skim Pelabelan Jejak Karbon SIRIM
- 3) **Pelabelan dan Pensijilan Hijau ( Skim Selain (1) dan (2) seperti Voluntary Sustainable Scheme; VSS)**  
Contoh: Cepak Tenaga, Cepak Air, PEFC & MCS
- 4) **Pematuhan Kecekapan Piawaian (Performance Standard Compliance)**  
Contoh: MS 2413:2011 (P) Spesifikasi Motosikal Elektrik Bahagian 3 (Ujian Prestasi)



Senarai Badan Pensijilan/ Pengesahan:  
Sila rujuk Lampiran 1.

MyHIJAU Directory boleh diakses melalui;

- i. Direktori atas talian  
[www.myhijau.my](http://www.myhijau.my)
- ii. Apple Store  
<https://itunes.apple.com/my/app/myhijau/id1045069605?mt=8>
- iii. Google Play  
<https://play.google.com/store/apps/details?id=my.greentechmalaysia.myhijauapp&hl=en>

### 3.4 Kriteria bagi Produk Terpilih


Pemilihan produk dan perkhidmatan adalah berdasarkan kriteria berikut:

- a) Wujudnya kriteria dan standard produk atau perkhidmatan hijau seperti skim-skim di bawah MyHIJAU Pelabelan atau setara dengannya
- b) Membantu industri pengeluar tempatan berdaya saing dengan pengeluar antarabangsa di dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau
- c) Impak kepada alam sekitar seperti pengurangan Jejak Karbon (Carbon Footprint), kecekapan penggunaan sumber air dan tenaga serta pengurangan penggunaan bahan bertoksik
- d) Kekerapan penggunaan produk dan perkhidmatan di sektor Kerajaan



Berdasarkan kepada kriteria di atas, 20 kumpulan produk dan perkhidmatan telah dipilih meliputi:

- 1) Peralatan ICT;
- 2) Cat;
- 3) Simen Gentian;
- 4) Lampu Dalam Cepak Tenaga;
- 5) Kertas;
- 6) Tekstil;
- 7) Perabot;
- 8) Pencetak Serbaguna;
- 9) Sistem Penghawa Dingin;
- 10) Produk Pembungkusan Berasaskan Polimer Terbiodegradasi;
- 11) Peralatan Cepak Air;
- 12) Sistem Penuaian Air Hujan;
- 13) Alat Tulis (Produk Berasaskan Kertas);
- 14) Produk Berasaskan Getah;
- 15) Perkhidmatan Pembersihan;
- 16) Perkhidmatan Pusat Data Hijau;
- 17) Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti Bangunan;
- 18) Perkhidmatan Bengkel Automotif;
- 19) Perkhidmatan Percetakan Berasaskan Kertas; dan
- 20) Perkhidmatan Hotel, Penginapan dan Pusat Latihan.



## 4. Pelaksanaan GGP

### 4.1 Mengintegrasikan GGP dengan Dasar Sedia Ada

GGP diperkenalkan untuk meningkatkan dasar perolehan sedia ada. GGP boleh berfungsi untuk mencapai penjimatan jangka panjang dan mengurangkan beban kepada bajet awam, merangsang pertumbuhan hijau dan meningkatkan daya saing industri tempatan. Secara prinsipnya, pelaksanaan GGP adalah tidak bercanggah dan mematuhi dasar dan prinsip perolehan kerajaan sedia ada seperti berikut:

#### Dasar Perolehan Kerajaan

- Merangsang pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan-bahan dan sumber tempatan secara maksimum;
- Menggalakkan dan menyokong pembangunan usahawan Bumiputera selaras dengan aspirasi negara untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera;
- Meningkatkan keupayaan institusi dan industri tempatan melalui pemindahan teknologi dan kepakaran;
- Merangsang dan menggalakkan perkhidmatan berorientasikan industri tempatan seperti pengangkutan (freight) dan insurans; dan
- Mempercepat pertumbuhan ekonomi di mana perolehan Kerajaan digunakan sebagai instrumen untuk mencapai matlamat sosioekonomi dan pembangunan.

#### Prinsip Perolehan Kerajaan

- Akauntabiliti Awam - Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan;
- Diuruskan Secara Telus - Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan;
- Nilai Faedah Yang Terbaik - Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan;
- Saingan Terbuka - Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing; dan
- Adil dan Saksama - Sesuatu perolehan itu dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.



## 4.2 Pengurusan Permintaan

Penilaian keperluan perolehan yang tepat merupakan langkah pertama ke arah melaksanakan GGP. Perolehan produk dan perkhidmatan yang tidak perlu akan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan menjadikan perbelanjaan tidak berhemah. Pengurusan permintaan yang berkesan boleh mengurangkan pembelian produk, mengurangkan jumlah atau jenis barang yang diperlukan serta mengurangkan kekerapan pembelian atau penggantian barangan dan perkhidmatan tertentu.

Hubungan yang rapat dengan pengguna akhir (*end user*) bagi produk dan perkhidmatan adalah diperlukan untuk penyelesaian yang bijak, mesra alam dan kos yang efisien. Kesediaan untuk memeriksa amalan sedia ada secara lebih teliti juga diperlukan.

## 4.3 Mengintegrasikan Kriteria Alam Sekitar

Kriteria alam sekitar boleh digunapakai hampir di setiap peringkat proses perolehan, bermula daripada mengenal pasti keperluan, menyediakan spesifikasi teknikal, menilai tawaran pembida, memilih pembekal sehinggalah kepada mengurus kontrak. Dalam dokumen perolehan, kriteria alam sekitar boleh diperkenalkan melalui:

### 4.3.1 Bidang Pengkhususan Perolehan

Pegawai perolehan hendaklah menyatakan dengan jelas jenis produk dan perkhidmatan hijau yang akan diperoleh untuk menunjukkan niat mereka bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan hijau. Sebagai contoh, pegawai perolehan boleh menyatakan bahawa bidang pengkhususannya ialah 'untuk membekalkan peralatan ICT mesra alam' atau 'untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan hijau'. Dengan cara ini, pegawai perolehan telah menunjukkan kesediaan kepada pembekal untuk bertukar kepada GGP.

Dalam beberapa kes, spesifikasi bagi bidang pengkhususan sudah mengecualikan sesetengah jenis produk yang tidak mesra alam sekitar. Sebagai contoh, bidang pengkhususan menetapkan keperluan lampu cekap tenaga, secara tidak langsung penggunaan mentol lampu konvensional adalah tidak dibenarkan.

Walau bagaimanapun, bidang pengkhususan tidak boleh bersifat diskriminasi. Kriteria alam sekitar yang tepat perlu ditakrifkan dalam dokumen perolehan dalam bentuk spesifikasi teknikal atau kriteria penganugerahan.



## 4.3 Mengintegrasikan Kriteria Alam Sekitar

### 4.3.2 Spesifikasi Teknikal Produk, Perkhidmatan dan Kerja

Spesifikasi teknikal hendaklah menggabungkan kriteria alam sekitar. Kriteria tersebut hendaklah dalam bentuk kriteria mandatori (*core criteria*) dan kriteria penganugerahan (*award criteria*). Kriteria ini hendaklah ditentukan dan diterbitkan sebelum proses penilaian tender termasuklah pemberat bagi setiap kriteria. Kriteria mandatori dan penganugerahan yang dicadangkan bagi semua kumpulan produk adalah seperti di Lampiran 1 hingga Lampiran 20 yang boleh digunakan untuk penyediaan spesifikasi teknikal.

#### 4.3.2.1 Kriteria Mandatori

Kriteria Mandatori adalah keperluan minima untuk perolehan bekalan/ perkhidmatan di sektor kerajaan yang telah mendapat pengesahan dan menjamin prestasi alam sekitar dimana kriteria ini wajib dipatuhi oleh pembekal.

#### 4.3.2.2 Kriteria Penganugerahan

Kriteria penganugerahan adalah lebih mencabar di mana ia bukan mandatori, tetapi bekalan atau perkhidmatan yang memenuhi kriteria ini akan mendapat markah tambahan dalam proses penilaian. Kriteria penganugerahan akan membolehkan kita melihat sama ada pembekal boleh membekalkan produk atau menyediakan perkhidmatan dengan prestasi alam sekitar yang lebih baik pada kos yang tidak jauh berbeza.

#### 4.3.2.3 Penggabungan Kriteria Kos Kitaran Hayat (LCC)

JKR merujuk LCC sebagai jumlah kos yang dianggarkan bagi sesuatu aset pada keseluruhan fasa kitar hayatnya merangkumi kos pemerolehan dan kos pemilikan (JKR 2012). LCC boleh digunakan untuk menilai perbezaan produk dan perkhidmatan dari segi kesan kewangan. Selain kos pemerolehan, LCC juga mengambil kira kos operasi (seperti kos tenaga), kos penyelenggaraan dan kos pelupusan. Satu instrumen telah dibangunkan untuk membantu pegawai perolehan mengira LCC bagi membolehkan keputusan LCC digunakan dalam membuat keputusan perolehan.

LCC boleh dimasukkan sebagai salah satu kriteria penganugerahan.

## 4.4 Kaedah Verifikasi

Tawaran oleh pembida dalam spesifikasi teknikal perlu disahkan bagi memastikan mereka memenuhi syarat-syarat keperluan alam sekitar yang ditetapkan. Lampiran 3 hingga Lampiran 20 dalam garis panduan ini menunjukkan jenis pensijilan yang boleh digunakan untuk verifikasi.



## 5. Penetapan Sasaran Untuk Pelaksana GGP

Sasaran yang ingin dicapai pada akhir tempoh pelaksanaan GGP ialah seperti berikut:

- Semua pelaksana GGP telah memasukkan kriteria hijau seperti yang dicadangkan dalam garis panduan ini (atau yang seumpama dengannya) dalam satu atau beberapa tawaran perolehan mereka.
- Sekurang-kurangnya tiga pembida mematuhi kriteria hijau yang ditetapkan bagi setiap tawaran perolehan.
- Pengenal kriteria hijau tidak menyebabkan kenaikan kos yang besar.
- Kontraktor berjaya membekalkan barangan atau memberikan perkhidmatan mengikut spesifikasi teknikal/kontrak.

## 6. Pemantauan Dan Penilaian


Pemantauan dan penilaian dilaksanakan bagi memenuhi beberapa tujuan: Pertama, pemantauan akan memastikan bahawa pelan tindakan dilaksanakan dengan betul. Sebarang masalah yang dihadapi dalam merancang prosedur dan mendapatkan keputusan yang dikehendaki perlu ditangani dengan segera. Kedua, pemantauan dan penilaian pelaksanaan GGP memberikan maklumat yang diperlukan bagi menyokong keperluan pelaksanaan LTAP. Semua masalah hendaklah didokumenkan dan dianalisis serta keputusan daripada pelbagai aktiviti perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu. Ketiga, pelaksanaan GGP hendaklah dipantau dan dinilai oleh pelaksana bagi mengukur keberkesanan GGP di setiap kementerian ke arah merealisasikan sasaran 20% GGP menjelang 2020. Sistem ini perlu sejajar dengan prosedur pemantauan dan penilaian yang sedia ada. Di samping itu, sistem pemantauan dan penilaian yang baharu hendaklah menggunakan sumber dengan cekap dan boleh dipercayai.

### 6.1 Pemantauan

Proses pemantauan akan memberi tumpuan kepada 20 kumpulan produk yang dinyatakan di dalam garis panduan ini. Walau bagaimanapun, proses pemantauan tidak terhad kepada 20 kumpulan produk tersebut bagi menggalakkan semua kementerian mengguna pakai teknologi hijau mengikut kesesuaian aktiviti perolehan dan projek di Kementerian masing-masing. Pengurusan kontrak akan dimasukkan ke dalam proses pemantauan mengikut kesesuaian.

### 6.2 Penilaian

Penilaian yang sistematik adalah diperlukan bukan sahaja untuk mengukur kesan sistem GGP kepada ekonomi dan alam sekitar. Ini akan membolehkan penambahbaikan GGP dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah melalui pelaksanaan yang lebih baik. GGP Core Team dan agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian. Satu kaji selidik dan temu bual akan diadakan bagi menilai pengalaman pegawai-pegawai perolehan dan kakitangan lain yang terlibat. Penilaian ini akan mengenal pasti masalah sedia ada dan menyediakan maklumat yang diperlukan; iaitu kaedah alternatif untuk mengoptimumkan proses pelaksanaan GGP.



## 7. Kriteria Khusus Kumpulan Produk GGP

### Kriteria Khusus Bagi Peralatan ICT

#### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi peralatan ICT ialah:

- Penggunaan tenaga.
- Penggunaan sumber.
- Bahan cemar yang boleh memudaratkan alam sekitar berkaitan dengan pengeluaran produk IT (pemerolehan bahan mentah, pengeluaran komponen).
- Penghasilan bahan buangan.

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pembelian model cekap tenaga
- Pembelian produk dengan jumlah bahan berbahaya yang terhad.
- Direka bentuk untuk dikitar semula, tahan lebih lama dan menggalakkan pengambilan semula (take back).
- Pelupusan selamat produk akhir (kitar semula, penggunaan semula).

#### 2. Skop

Membekalkan peralatan ICT mesra alam termasuk komputer meja dan komputer riba (notebook).

#### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Pembekal hendaklah membekalkan peralatan ICT yang memenuhi sekurang-kurangnya kriteria International ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT) atau Basel Action Network (BAN) atau 80 PLUS atau yang setara dengannya

#### 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:


- Produk yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark
- Bahan-bahan Berbahaya
  - o Pengasingan Bahan-bahan Berbahaya
  - o Bahan-bahan tidak sesuai dan berbahaya mudah dikenal pasti dan boleh dipisahkan.



- o Plastik
  - a) Kadmium / Plumbum  
Kadmium atau Plumbum tidak boleh ditambah secara sengaja kepada bahagian plastik (melebihi 25g).
  - b) Agen Pengelak Pembakaran (flame retardants)  
PBB, PBDE, chlorinated paraffins tidak boleh terkandung dalam plastik (melebihi 25 g).
  - c) Halogen  
Mana-mana bahagian plastik untuk housing atau casing melebihi 25 g tidak boleh mengandungi halogen kecuali maksimum 0.5% bahan tambah fluoroorganik (fluoroorganic additives).
- o Bateri/Akumulator  
Kandungan berat logam tertentu dalam bateri dan akumulator tidak boleh melebihi had berikut:

Bahan	Had
Raksa	maksimum 1 ppm
Kadmium	maksimum 10 ppm
Plumbum	maksimum 100 ppm

- o Paparan (display)  
Kadmium atau raksa tidak boleh terkandung dalam paparan. Raksa dibenarkan dalam lampu pencahayaan (illumination lamps) paparan LCD sahaja.
- Pengambilan Semula and Kitar Semula
  - o Pengambilan Semula (take back)  
Pembekal perlu mempunyai sistem pengambilan semula untuk produk yang telah digunakan atau mesti dihubungkan kepada sistem pengambilan semula yang rasmi atau seumpama dengannya.
  - o Kitar Semula  
Pembekal perlu mempunyai sistem kitar semula untuk produk yang telah digunakan.



- Mematuhi tahap had maksimum yang ditetapkan bagi pensijilan RoHS (Restriction of Hazardous Substances) untuk produk elektrik dan elektronik bagi bahan-bahan berikut:

Bahan	Had Maksimum / ppm
Lead (Pb)	< 1000 ppm
Mercury (Hg)	< 100 ppm
Cadmium (Cd)	< 100 ppm
Hexavalent Chromium	< 1000 ppm
Polybrominated Biphenyls (PBB)	< 1000 ppm
Polybrominated Diphenyl Ethers (PBDE)	< 1000 ppm
Bis(2-Ethylhexyl) phthalate (DEHP)	< 1000 ppm
Benzyl butyl phthalate (BBP)	< 1000 ppm
Dibutyl phthalate (DBP)	< 1000 ppm
Diisobutyl phthalate (DIBP)	< 1000 ppm

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan International ENERGY STAR atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.
- Pembekal mesti menyediakan bukti bahawa spesifikasi dipenuhi.
- Bagi tujuan pengesahan kriteria penganugerahan berkaitan bahan-bahan berbahaya, pembekal hendaklah mengemukakan dokumen yang spesifik. Pembekal hendaklah mengemukakan pernyataan daripada pengilang yang mengesahkan bahawa plastik yang digunakan tidak mengandungi ejen pengelak pembakaran (flame retardants). Pembekal hendaklah menyediakan pernyataan daripada pengeluar bateri/akumulator yang membuktikan pematuhan dan mengenal pasti jenis-jenis bateri/akumulator yang digunakan. Sekiranya pengilang paparan (display manufacturer) tidak sama dengan pembekal, pembekal hendaklah mengemukakan surat pematuhan daripada pengilang paparan.
- Pembekal hendaklah mengisytiharkan pematuhan kepada keperluan untuk pengambilan semula (take back) dan kitar semula.



## Kriteria Khusus Bagi Cat

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi cat ialah:

- Kesihatan manusia.
- Ecotoxicity.
- Pencemaran dan penggunaan air.
- Penghasilan sisa.
- Penggunaan sumber

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:


- Meminimumkan impak alam sekitar yang negatif dalam pengeluaran cat.
- Pembelian produk cat yang mengandungi bahan-bahan yang kurang berbahaya.
- Mengurangkan pembaziran.

### 2. Skop

Membekalkan cat mesra alam untuk pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Pembekal hendaklah membekalkan cat yang tidak mengandungi logam berat seperti raksa, plumbum, kadmium, kromium heksavalen, arsenik, antimoni, triphenyl tins (TPT) dan tributyl tins (TBT). Walau bagaimanapun, kandungannya boleh mengandungi bendasing atau kesan (trace) yang berasal daripada bahan mentah. Jumlah bagi logam berat tidak boleh melebihi 0.1% (1,000 ppm) mengikut berat.
- VOC produk mesti mematuhi kriteria berikut:
  - o Emulsi cat: VOC tidak boleh melebihi 50 g/l.
  - o Varnis lain berasaskan air: VOC tidak boleh melebihi 100 g/l.
  - o Cat dan varnis berasaskan pelarut: VOC tidak boleh melebihi 300 g/l.
- Formaldehide tidak boleh digunakan dan jika digunakan kandungannya tidak boleh melebihi 10 mg/kg.



## 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan sekiranya produk mematuhi kriteria tersebut;

- Produk mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Produk hidrokarbon aromatik mesti mematuhi kriteria berikut:
  - o Cat emulsi: Pencemaran tidak boleh melebihi 0.1% mengikut berat.
  - o Varnis lain berasaskan air: Pencemaran tidak boleh melebihi 0.1% mengikut berat.
  - o Cat dan varnis berasaskan pelarut: Pencemaran tidak boleh melebihi 0.1% mengikut berat.
- Halogenated Hydrocarbons tidak boleh digunakan.
- Bahan pembungkusan: Plumbum tidak boleh terkandung di dalam bekas logam.

## 5. Keterangan Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Bagi Simen Gentian

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi simen gentian ialah:


- Kesihatan manusia
- Ecotoxicity
- Penggunaan sumber

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pembelian produk simen gentian yang mengandungi bahan-bahan yang kurang berbahaya
- Mengelakkan pembaziran sumber semula jadi.

### 2. Skop

Membekalkan produk simen gentian yang mesra alam untuk digunakan sebagai bahan binaan bahagian luar atau dalam bangunan, untuk pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Produk tersebut akan terdedah secara langsung atau tidak kepada cahaya matahari, hujan atau mana-mana keadaan iklim yang lain semasa penggunaannya dalam keadaan bersalut (coated) atau tidak bersalut (uncoated).



### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)


- Gentian organik yang digunakan dalam pengeluaran produk simen gentian hendaklah terdiri daripada sumber yang lestari dan boleh diperbaharui atau dikitar semula.
- Gentian bukan organik yang digunakan hendaklah bebas daripada asbestos, asbestos mengandungi mineral (asbestos contained minerals) dan gentian kaca (fibre glass).
- Produk simen gentian hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 15% kandungan bahan yang dikitar semula mengikut berat.
- Kandungan sebatian racun perosak dalam gentian selulosa tidak boleh melebihi had yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Sebatian Racun Perosak	Kepekatan Maksima (mg/kg)
Aldrin	1.4
Chlordane	2.5
DDT, DDE, DDD	1
Dieldrin	8
Endrin	0.2
Heptachlor	4.7
Kepone	21
Lindane	4
Methoxychlor	100
Mirex	21



- Kandungan logam berat di dalam produk akhir tidak boleh melebihi had yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Unsur Logam Berat	Kepekatan Maksima (mg/kg)
Antimoni	500
Arsenik	500
Barium	10000
Berilium	75
Kadmium	100
Kromium	2500
Kromium VI	500
Kobalt	8000
Tembaga	2500
Plumbum	1000
Raksa	20
Molibdenum	3500
Nikel	2000
Selenium	2000
Perak	500
Thallium	700
Vanadium	2400
Zink	5000



## 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan sekiranya produk mematuhi kriteria tersebut;

- Produk mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Kepekatan logam berat daripada Prosedur Ciri-ciri Ketoksikan Larut Resap (Toxicity Characteristics Leaching Procedure; TCLP) ekstrak tidak melebihi had-had yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Unsur Logam Berat	Kepekatan Maksima (mg/L)
Arsenik	5
Barium	100
Kadmium	1
Kromium	5
Plumbum	5
Raksa	0.2
Selenium	1
Perak	5

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Lampu Dalam Cepak Tenaga

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi lampu dalaman adalah:

- Penggunaan tenaga
- Penggunaan sumber
- Pelepasan bahan cemar yang memudaratkan, terutamanya semasa fasa pengeluaran
- Penghasilan sisa

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pembelian lampu cekap tenaga
- Pembelian produk dengan jumlah bahan-bahan berbahaya yang terhad
- Menghasilkan sisa pembungkusan yang kurang dan penggunaan bahan pembungkusan yang lestari
- Pelupusan produk akhir yang selamat (kitar semula, penggunaan semula)

### 2. Skop


Membekalkan pencahayaan dalaman cekap tenaga untuk pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

#### 3.1 Sistem Lampu

- Keberkesanan Sistem Lampu (luminaire efficacy) hendaklah melebihi 60lm/W. Pembetulan untuk sistem lampu (correction for luminaires) dengan suhu warna yang tinggi (high colour temperature) dan petunjuk warna yang tinggi (Indeks Petunjuk Warna Tinggi) (High Colour Rendering Index: Ra) adalah berdasarkan jadual di bawah:

Parameter Lampu	Pengurangan daripada keperluan keberkesanan bercahaya (luminous efficacy) pada 25°C
$T_c > 5000 \text{ K}$	- 10 %
$95 > R > 90$	- 20 %
$R_a > 95$	- 30 %



### 3.2 Lampu Pendarfluor

- Bagi lampu linear, bulat dan pendarfluor padat, ia mesti memenuhi kadar kuasa (power rating) (W) dan keberkesanan (efficacy) (lm/W) mengikut kategori seperti di bawah:

Single-Capped dengan Balast Bersepadu (CFL) atau Lampu Self-Ballasted		
Keberkesanan Lampu (Lamp Efficacy)	Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)
	< 9	80
	9-15	80
	16-24	80
	> 24	80
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (Lamp survival factor at 2000 hr)	$\geq 98\%$	
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (Lumen Maintenance Factor at 2000 hr)	$\geq 92.5\%$	
Kandungan Raksa	$\leq 5.0$ mg	
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (Number of switching cycles before failure)	$\geq 10,000$	
Indeks Petunjuk Warna (Colouring Rendering Index)	$\geq 0$	



<b>Single-Capped with Non-Integrated Ballasted</b>		
Keberkesanan Lampu (Lamp Efficacy)	Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)
	< 10	80
	11-50	80
	> 51	80
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (Lamp survival factor at 2000 hr)	$\geq 98\%$	
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (Lumen Maintenance Factor at 2000 hr)	$\geq 92.5\%$	
Kandungan Raksa	$\leq 5.0$ mg	
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (Number of switching cycles before failure)	$\geq 10,000$	
Indeks Petunjuk Warna (Colouring Rendering Index)	$\geq 0$	

<b>Lampu Pendafluor Double-Capped</b>	
Keberkesanan Lampu (Lamp efficacy)	$\geq 90$ lm/W
Faktor kemandirian lampu pada 2000 jam (Lamp survival factor at 2000 hr)	$\geq 9\%$
Faktor penyelenggaraan lumen pada 2000 jam (Lumen Maintenance Factor at 2000 hr)	$\leq 92.5\%$
Kandungan Raksa	$\leq 5.0$ mg
Bilangan perubahan kitaran sebelum kegagalan (Number of switching cycles before failure)	$\geq 10,000$
Indeks Petunjuk Warna (Colouring Rendering Index)	$\geq 0$



### 3.3 Lampu LED (SSL)

- Keberkesanan dan jangka hayat lampu LED yang ditentukan oleh LM-80 hendaklah tidak kurang daripada yang ditunjukkan jadual di bawah:

Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)	Jangka Hayat (Jam)
<5	70	10,000
5-10	80	15,000
10-15	80	25,000
>15	80	35,000

### 3.4. Lampu HID (termasuk lampu induksi)

- Keberkesanan dan jangka hayat lampu HID hendaklah tidak kurang daripada yang dinyatakan jadual di bawah:

Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)	Jangka Hayat (Jam)
<100	>100	10,000
>100	80	15,000



## 4. Kriteria Penganugerahan

### 4.1 Markah tambahan sekiranya produk mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark atau Ekolabel SIRIM


#### 4.2 Sistem Lampu

- Sistem lampu hendaklah mempunyai Faktor Penyelenggaraan Sistem Lampu (Luminaire Maintenance Factor; LMF) yang memenuhi syarat-syarat untuk pelbagai sumber cahaya (light sources).
- Raksa, plumbum, kadmium, kromium heksavalen, polybrominated biphenyl (PBB) dan polybrominateddiphenyl ether (PBDE) tidak boleh digunakan sebagai sebahagian daripada sistem lampu, selaras dengan MS 2237: 2009 atau yang setaraf dengannya iaitu sekatan penggunaan bahan berbahaya tertentu dalam peralatan elektrik dan elektronik.
- Faktor kuasa (power factor) lampu yang lengkap hendaklah lebih daripada 0.90.
- Jumlah penggunaan kuasa (total power consumption) LED tidak boleh melebihi penggunaan kuasa maksimum yang diisytiharkan oleh pengeluar.
- Pembungkusan sistem lampu untuk tujuan pengangkutan dan pengedaran hendaklah diperbuat daripada bahan kertas beralun (corrugated paper materials) yang mengandungi bahan kitar semula.
- Pembekal hendaklah menyediakan maklumat yang dicetak atau atas talian (online) yang berkaitan dengan arahan penyelenggaraan untuk memastikan sistem lampu, kualiti asli sepanjang hayat dan arahan pemasangannya dapat dikekalkan sebaik mungkin.

#### 4.3 Fluorescent Lamps

- Pembekal hendaklah menyediakan dokumen yang menunjukkan jangka hayat lampu (lamp lifetime); Susut nilai lumen pada akhir hayat (lumen depreciation at end of life); Suhu warna cahaya (light colour temperature-K); Indeks Cahaya Petunjuk Warna (Light Colour Rendering Index; CRI); Fluks bercahaya (luminous flux) (lumen) yang dihasilkan oleh lampu; Kuasa litar lampu (lamp circuit power); Dimensi lampu; Kandungan mercury lampu; dan Prosedur untuk pelupusan yang selamat pada akhir hayat lampu.
- Pembetulan bagi pendarfluor (correction for fluorescent) dengan suhu warna yang tinggi (high colour temperature) dan petunjuk warna yang tinggi (high colour rendering) adalah seperti di bawah:

Parameter Lampu	Pengurangan daripada keperluan keberkesanan bercahaya (luminous efficacy) pada 25°C
$T_c > 5000 \text{ K}$	- 10 %
$95 > R > 90$	- 20 %
$R_a > 95$	- 30 %



#### 4.4 Lampu LED (SSL)

- Lampu-lampu LED hendaklah tertakluk kepada Temperature Cycling Shock Test.
- Ketahanan peralihan (switching endurance) lampu LED hendaklah > 50,000 kali berdasarkan keperluan kitaran (cyclic requirements) (menghidupkan dan mematikan selama 30 saat)
- Lampu LED hendaklah dibekalkan dengan sijil ujian daripada makmal bebas yang diluluskan yang menunjukkan piawaian keselamatan elektrik dan keserasian elektromagnet (electromagnetic compatibility; EMC) telah dipenuhi.
- Indeks petunjuk warna adalah > 80.
- Jika lampu LED bukan dalam bentuk lampu boleh ganti (replaceable lamp), maka penggantian dan pemasangan semula modul LED dan komponen utama hendaklah mudah dilaksanakan dengan menggunakan peralatan yang biasa (contohnya pemutar skru).
- Pembetulan untuk LED (correction for LED) dengan dengan suhu warna yang tinggi (high colour temperature) dan petunjuk warna yang tinggi (high colour rendering) adalah seperti di bawah:

Parameter Lampu	Pengurangan daripada keperluan keberkesanan bercahaya (luminous efficacy) pada 25°C
$T_c > 5000 \text{ K}$	- 10 %
$95 > R > 90$	- 15 %
$R_a > 95$	- 20 %




#### 4.5 Lampu HID (termasuk lampu induksi)

- Pembekal hendaklah menyediakan dokumen yang menunjukkan jangka hayat lampu; Susut nilai lumen pada akhir hayat; Suhu warna cahaya (K); Indeks Cahaya Petunjuk Warna (CRI); Fluks bercahaya (lumen); Kuasa litar lampu; Dimensi lampu; Kandungan mercury lampu; dan Prosedur untuk pelupusan selamat di akhir hayat lampu.
- Keberkesanan dan jangka hayat lampu HID hendaklah tidak kurang daripada yang dinyatakan jadual di bawah:

Penilaian Kuasa (W)	Keberkesanan (lm/W)	Jangka Hayat (Jam)
<100	>100	10,000
>100	80	15,000

- Indeks petunjuk warna adalah >80.
- Pembetulan untuk HID (correction for HID) dengan dengan suhu warna yang tinggi (high colour temperature dan petunjuk warna yang tinggi (high colour rendering) adalah seperti di bawah:

Parameter Lampu	Pengurangan daripada keperluan keberkesanan bercahaya (luminous efficacy) pada 25°C
$T_c > 5000 \text{ K}$	- 10 %
$95 > R > 90$	- 15 %
$R_a > 95$	- 20 %



## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.
- Pembekal hendaklah menyediakan dokumen yang menunjukkan jangka hayat lampu (yang ditentukan mengikut IES LM-80 Approved Method for Measuring Lumen Depreciation of LED Light Sources; Suhu warna cahaya (K); Indeks Cahaya Petunjuk Warna (CRI); Fluks bercahaya (lumen) (ditentukan mengikut IES LM-79 Approved Method for the Electrical and Photometric Testing of Solid- State Lighting Devices; Kuasa litar lampu (lamp circuit power); Dimensi lampu; dan Prosedur untuk pelupusan selamat pada akhir hayat lampu.



## Kriteria Khusus Untuk Kertas

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk kertas adalah:

- Kemusnahan hutan dan potensi kerugian biodiversiti
- Pelepasan bahan cemar ke udara dan air semasa pengeluaran pulpa dan kertas
- Penggunaan tenaga dan air semasa pengeluaran
- Penggunaan bahan kimia semasa pengeluaran
- Penghasilan sisa semasa pengeluaran

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Membeli kertas berdasarkan kepada penggunaan semula gentian kertas pasca-pengguna (kertas kitar semula) atau kertas berdasarkan undang-undang dan/atau gentian asal yang lestari.
- Membeli kertas yang dihasilkan melalui penggunaan dan pelepasan tenaga yang rendah.
- Mengelakkan penggunaan bahan-bahan tertentu dalam pengeluaran kertas dan bahan peluntur.


### 2. Skop

Membekalkan produk kertas mesra alam untuk digunakan di pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Kriteria produk termasuk kertas yang digunakan untuk menulis, mencetak dan menyalin - sehingga 170g/m<sup>2</sup>. Ia juga merangkumi produk akhir kertas (finished paper product) seperti kertas tulis (writing pad), buku lukisan (drawing book), folder, fail dan lain-lain.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Semua sumber bahan serat dalam komponen kertas boleh dikitar semula atau gentian serat dara perlulah memenuhi salah satu atau gabungan daripada syarat-syarat berikut:

- Mendapatkan pensijilan daripada MyHIJAU Mark atau ekolabel SIRIM atau yang setara dengannya
- Semua bahan mentah dari Serat Kayu Hutan Dara (Virgin Wood Fibre) mesti diperolehi daripada hutan yang diperakui di bawah Forest Stewardship Council (FSC) atau Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) sebagai hutan diurus secara mampan (atau sijil yang setaraf); atau



- Semua gentian kayu dara mesti mempunyai skim pengurusan hutan mampan yang sah dan / atau rantai sijil jagaan dikeluarkan oleh skim pensijilan oleh pihak ketiga seperti Forest Stewardship Council (FSC) atau Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) atau yang setara atau
- Serat yang Kitar Semula (Recycle Fibre) yang memenuhi keperluan MS2080:2008 atau
- Mendapat pensijilan ekolabel atau yang setara dengannya
- Untuk Sisa Serat (Waste Fibre), 30% bahan Serat dihasilkan dari sisa pra-pengguna seperti papan / serpihan kayu dan kayu sisa daripada operasi pemprosesan kayu, sisa pengusahaan hutan, kayu perobohan tidak dirawat, dan lain-lain atau
- Untuk Serat bukan kayu 30% daripada bahan gentian keseluruhan berasal dari serat berasaskan bukan kayu; contohnya berasaskan buluh / kenaf dan lain-lain

#### 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark atau Ekolabel SIRIM
- Sekurang-kurangnya 50% gentian kitar semula, termasuk 20% kandungan pasca-pengguna (postconsumer content); atau
- Berasal daripada sumber lestari bagi gentian kayu asli (virgin wood fiber).
- Gentian kitar semula pasca-pengguna boleh terdiri daripada pengguna, pejabat, gedung cetak (printing house), penjilid buku (bookbinder) atau yang seumpama dengannya. Gentian rosak dari kilang kertas (paper mill broke) tidak boleh dianggap sebagai gentian kitar semula. Gentian kertas kitar semula termasuk gentian kitar semula pasca-pengguna dan pra-pengguna (pre-consumer) dari kilang kertas yang juga dikenali sebagai broke.
- Kertas mestilah sekurang-kurangnya mempunyai tanda Elementary Chlorine Free (ECF). Totally Chlorine Free (TCF) juga diterima.

#### 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark atau Ekolabel SIRIM akan dianggap mematuhi kriteria.
- Semua produk yang menggunakan Ekolabel Eropah (European Ecolabel), Blaue Engel (German Ecolabel), Nordic Swan, Eco Mark Jepun, label Chlorin Free Product Association (CFPA) atau label eko Green Seal dianggap sebagai mematuhi kriteria.
- Produk yang memenuhi keperluan MS2080:2008 atau label FSC/PEFC dianggap sebagai mematuhi kriteria.
- Produk tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Tekstil

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk tekstil adalah:

- a) Bahan Mentah
  - Potensi kerugian biodiversiti
- b) Proses Pengeluaran
  - Pencemaran udara
  - Pencemaran air dalam pengeluaran tekstil
  - Pengeluaran sisa semasa pembuatan
  - Penggunaan sumber tenaga yang tidak cekap
- c) Penggunaan
  - Keracunan kepada persekitaran aquatik
  - Merbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pengurangan sisa toksik, tenaga, pencemaran air dan udara semasa pengeluaran tekstil
- Pengurangan kesan alam sekitar semasa proses pengeluaran tekstil


### 2. Skop

Membekalkan tekstil hijau mesra alam (gentian asli dan gentian sintetik) untuk perolehan kerajaan.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Pembekal perlu memastikan pematuhan kepada salah satu daripada kriteria di bawah:

- Fabrik diperbuat daripada gentian semulajadi (minima 80% gentian semulajadi) atau
- Bersumberkan gentian organik semulajadi (daripada sistem pertanian organik seperti Global Organic Textile Standard (GOTS) dan Organic Exchange 100 Standard (OE 100) Sintetik / Man-made) atau
- Mempunyai kandungan Bahan Kitar Semula (Pembekal hendaklah menyediakan dokumen mengenai kandungan bahan kitar semula yang digunakan dalam produk) atau
- Fabrik yang digunakan telah diuji dan disahkan mempunyai paras formaldehyde yang tidak melebihi 75mg/kg atau



- Mematuhi paras logam berat yang ditetapkan seperti berikut:

No.	Elemen	Tahap Maksimum (mg/kg)
1.	Kadmium	0.1
2.	Kromium	2.0
3.	Nikel	4.0
4.	Plumbum	1.0
5.	Tembaga	50.0
6.	Arsenik	1.0
7.	Raksa	0.02
8.	Antimoni	30.0

#### 4. Kriteria Penganugerahan


Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan EkoLabel SIRIM
- Proses dan Bahan Kimia
  - Pembekal hendaklah menyediakan bukti pematuhan kepada alam sekitar dan kesihatan seperti OSHAS 18001, ISO 14001, dan sebagainya.
- Proses Kitar semula dan Guna Semula
  - Pembekal hendaklah menyediakan maklumat mengenai penggunaan bahan kitar semula yang terhasil daripada proses pembuatan dan kitar semula produk.
- Bahan Kitar Semula
  - Pembekal hendaklah menyediakan dokumen mengenai kandungan bahan kitar semula yang digunakan dalam produk



e) Pewarnaan memenuhi ciri-ciri berikut:

No.	Sebatian	CAS No.
1.	4-amino-diphenyl	92-67-1
2.	Benzidine	92-87-5
3.	4-chloro-toluidine	95-69-2
4.	2-naphthylamine	91-59-8
5.	o-amino-azo-toluene	97-56-3
6.	2-amino-4-nitro-toluene	99-55-8
7.	p-chloroaniline	106-47-8
8.	2,4-diamino-anisole	615-05-4
9.	4,4'-diamino-diphenylmethane	101-77-9
10.	3,3'-dichlorobenzidine	91-94-1
11.	3,3'-dimethoxybenzidine	119-90-4
12.	3,3'dimethylbenzidine	119-93-7
13.	3,3'-dimethyl-4,4'-diamino-diphenylmethane	838-88-0
14.	p-cresidine	120-71-8
15.	4,4'-methylene-bis (2-chloroaniline)	101-14-4



16.	4,4'-oxydianiline	101-8—4
17.	4,4'-thiodianiline	139-65-1
18.	o-toluidine	95-53-4
19.	2,4'-diaminotoluene	95-80-7
20.	2,4,5-trimethylaniline	137-17-7
21.	o-anisidinedimethoxyaniline	90-04-0
22.	2,4-xylydine	95-68-1
23.	2,6-xylydine	87-62-7
24.	4-aminoazobenzene	60-09-3

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Perabot

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk perabot adalah:

- a) Bahan mentah
  - Penebangan hutan dan potensi kehilangan biodiversity
- b) Pengeluaran
  - Pelepasan GHG semasa pengeluaran
  - pencemaran air semasa pengeluaran
  - Penggunaan tenaga dan air yang tinggi semasa pengeluaran
  - Penggunaan bahan kimia semasa pengeluaran
  - Penjanaan bahan buangan semasa pengeluaran

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pengurangan sisa toksik, tenaga, dan pencemaran air semasa pengeluaran perabot
- Pengurangan kesan alam sekitar semasa proses pengeluaran perabot


### 2. Skop

Untuk membekalkan perabot berasaskan kayu mesra alam bagi perolehan kerajaan.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Memenuhi salah satu kriteria berikut:

- Pembekal hendaklah menyediakan dokumen Pengesahan Jenis Kayu yang dikeluarkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Sijil Rantian Penjagaan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia atau
- Kemasan cat berasaskan pelarut (Solvent-based finishes) – had Volatile Organic Compound  $\leq 5\%$  dan
- Pengeluar menunjukkan pembuktian sendiri akan kandungan kemasan bagi kemasan cat berasaskan air (Water-based finishes) dan
- Paras pelepasan Formaldehyde tidak melebihi 0.5 mg/l dan
- Had Kandungan pengawet Boron (Preservative Boron content) terutamanya untuk perabot berasaskan kayu getah tidak melebihi 0.2kg/m<sup>3</sup>



## 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Perabot diperbuat daripada bahan kitar semula
- Perabot mestilah mempunyai jaminan produk / polisi pengambilan semula (take back)
- Perabot hendaklah diperbuat daripada kayu tempatan yang disijilkan atau kayuan daripada sumber terkawal
- Pembuat mendapat pensijilan MS ISO 9001 atau MS 14001

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Pencetak Serbaguna

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk kertas adalah:

- Pelepasan GHG
- Penggunaan sumber tenaga yang tidak cekap
- Penghasilan toksik dan sisa berbahaya
- Berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan pengurangan sisa
- Kualiti produk peranti percetakan pelbagai guna

### 2. Skop

Membekalkan pencetak pelbagai fungsi cekap tenaga yang melakukan dua atau lebih fungsi teras seperti menyalin, mencetak, faksimili, atau mengimbas untuk kegunaan di pejabat-pejabat kerajaan, hospital dan sekolah-sekolah


### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Mempunyai kriteria cekap tenaga dan mendapat sekurang-kurangnya pengiktirafan International ENERGY STAR atau MyHIJAU Mark atau pensijilan Ekolabel SIRIM

### 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- a) MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- b) Polisi Pengambilan Semula dan Kitar Semula
  - Pembekal perlu mempunyai polisi pengambilan semula kartrij toner terpakai yang perlu dikitar semula
  - Bahan Pembungkusan Kitar Semula  
Pembekal perlu menyediakan maklumat tentang penggunaan bahan kitar semula dalam pembungkusan produk
- c) Toner yang dibekalkan perlulah mempunyai pembuktian pensijilan ecolabel seperti Blaue Engel (German ecolabel) atau the Umweltzeichen (Austrian ecolabel) atau the Eco Mark Japan atau Ecologo atau Thai Green Label atau the Nordic Swan ecolabel atau yang setaraf dengannya atau mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark



- d) Perencat Api
- Pembekal hendaklah menyediakan dokumen untuk menunjukkan tiada Polybrominated Biphenyls (PBB), Polybrominated Diphenyl Ethers (PBDE) dan parafin berklorin yang terkandung dalam plastik.
- e) Mematuhi tahap had maksimum yang ditetapkan bagi pensijilan RoHS (Restriction of Hazardous Substances) untuk produk elektrik dan elektronik bagi bahan-bahan berikut:

Bahan	Had Maksimum / ppm
Lead (Pb)	< 1000 ppm
Mercury (Hg)	< 100 ppm
Cadmium (Cd)	< 100 ppm
Hexavalent Chromium	< 1000 ppm
Polybrominated Biphenyls (PBB)	< 1000 ppm
Polybrominated Diphenyl Ethers (PBDE)	< 1000 ppm
Bis(2-Ethylhexyl) phthalate (DEHP)	< 1000 ppm
Benzyl butyl phthalate (BBP)	< 1000 ppm
Dibutyl phthalate (DBP)	< 1000 ppm
Diisobutyl phthalate (DIBP)	< 1000 ppm

## 5. Keterangan Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Pembekal perlu menyediakan bukti spesifikasi mandatori telah dipenuhi
- Pembekal perlu menyediakan dokumentasi, analisis, laporan ujian atau bukti lain bagi menunjukkan pematuhan kepada kriteria. Kesemua laporan ujian hendaklah daripada makmal yang diakreditasi.
- Pembuktian kriteria penganugerahan bagi bahan berbahaya, pembekal hendaklah menyediakan dokumen khusus dan pernyataan daripada pengilang yang produk tidak mengandungi bahan perencat api
- Pembekal hendaklah mengisytiharkan pematuhan kepada keperluan pengambilan semula dan kitar semula



## Kriteria Khusus Untuk Penghawa Dingin

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk penghawa dingin adalah:

- Pelepasan GHG
- Penggunaan tenaga yang tidak cekap
- Berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan
- Kualiti udara dalaman
- Toksik

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:


- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap dan penggunaan penyejuk mesra alam

### 2. Skop

Membekalkan sistem penghawa dingin (split unit) yang berkapasiti 2.5hp dan ke bawah bagi sistem penghawa dingin dinding untuk kegunaan premis kerajaan

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Mempunyai kriteria cekap tenaga dan mematuhi Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) dan mendapat pengiktirafan 5 STAR Rating yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga
- Tidak menggunakan penyejuk jenis R22
- Untuk kapasiti penyejukan < 4.5kw, nisbah nilai kecekapan tenaga adalah  $\geq 11.94$  Btu/h/w
- Untuk kapasiti penyejukan tidak kurang dari 4.5kW dan tidak melebihi 7.1kW, nisbah nilai kecekapan tenaga adalah  $\geq 10.71$  Btu/h/w



## 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark
- Pembekal hendaklah memberi maklumat mengenai penggunaan bahan-bahan kitar semula untuk pembungkusan produk

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Produk Pembungkusan Berasaskan Polimer Terbiodegradasi

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar bahan pembungkusan plastik adalah:

- Penggunaan bahan sumber yang berasaskan fosil
- Pelepasan GHG dari proses pembuatan
- Penghasilan sisa dan bahan cemar
- Tekanan kepada penggunaan kawasan timbus tanah (landfill usage)
- Kesan yang memudaratkan kepada pelbagai spesies hidupan marin dan burung

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Mengurangkan jumlah pelepasan GHG
- Meningkatkan jumlah bahan terbiodegradasi dan kitar semula dalam bahan pembungkusan
- Untuk memastikan sisa penguraian akhir tidak menyebabkan kemudaratkan kepada alam sekitar
- Mengurangkan kuantiti pembungkusan yang digunakan dan meningkatkan jumlah kitar semula


### 2. Skop

Membekalkan bahan pembungkusan mesra alam untuk diguna-pakai di jabatan kerajaan meliputi pembungkusan makanan (sebagai contoh pinggan, sudu, bekas minuman dan makanan dll) dan produk bukan makanan (sebagai contoh beg plastik, beg cenderamata, bekas ubat dll).

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Bahan pembungkusan telah diuji dari kadar keterentanan bahan dan mendapat salah satu pensijilan yang berikut:
  - ISO 14851 (Determination of the Ultimate Aerobic Biodegradability of Plastic Materials in an Aqueous Medium – Method of Determining the Oxygen Demand in A Closed Respirometer)
  - ISO 14852 (Determination of the Ultimate Aerobic Biodegradability of Plastic Materials in an Aqueous Medium - Method of Analysis of Evolved Carbon Dioxide)
  - ISO 14855 (Determination of the Ultimate Aerobic Biodegradability and Disintegration of Plastic Materials Under Controlled Composting Conditions – Method by Analysis of Evolved Carbon Dioxide)

Penggunaan piawai lain yang memenuhi syarat dan diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia juga diterima



Atau

- Untuk tuntutan bahan pembungkusan “kompost dan biorosot”, kepekatan logam berat mestilah di bawah had yang ditetapkan oleh piawaian iaitu;

Logam Berat	Kepekatan (berdasarkan berat kering)/ ppm
Zink	150 ppm
Kromium	50 ppm
Tembaga	50 ppm
Molibdenum	1 ppm
Selenium	0.75 ppm
Nikel	25 ppm
Kadmium	0.5 ppm
Arsenik	5 ppm
Plumbum	50 ppm
Florin	100 ppm
Raksa	0.5 ppm

Atau

- Untuk lain-lain tuntutan bahan pembungkusan, kepekatan logam berat mestilah di bawah had yang ditetapkan oleh piawaian iaitu;

Logam Berat	Kepekatan (berdasarkan berat kering)/ ppm
Kromium	50 ppm
Kadmium	0.5 ppm
Plumbum	50 ppm
Raksa	0.5 ppm




## 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada pembekal perkhidmatan yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Tiada bahan tambahan yang dilarang dalam produk pembungkusan termasuk: dakwat, pewarna, penstabil atau bahan yang mengandungi plumbum (Pb), kadmium (Cd), merkuri (Hg) atau kromium (Cr) atau jumlah tahap kepekatan logam berat <100 ppm.

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Peralatan Cekap Air

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar dalam penggunaan air ialah:

- Penggunaan sumber
- Pencemaran air
- Kesihatan manusia

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kewujudan produk cekap air
- Untuk menggalakkan tabiat penggunaan air yang sihat di kalangan pengguna
- Untuk menggalakkan gaya hidup hijau dengan menggunakan produk cekap air
- Untuk menggalakkan pembekalan dalam pembangunan dan pemasaran produk-produk cekap air di Malaysia
- Untuk memberi motivasi kepada pengenalan teknologi cekap air yang kos efektif di Malaysia

### 2. Skop

Membekalkan alatan cekap air termasuk paip basin, paip sinki, pancuran ketik dan paip wuduk, peralatan tandas, tempat buang air kecil dan kepala pancuran untuk pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Produk mestilah mendapat penarafan sekurang-kurangnya 2 STAR dari label Water Efficiency Product Labeling Scheme (WEPLS) oleh SPAN.

### 4. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dianggap mematuhi kriteria. Produk dengan pensijilan SPAN WEPLS atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi adalah berbentuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Sistem Penuaian Air Hujan

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar bagi sistem penuaian air hujan adalah:

- Kesihatan manusia
- Penggunaan sumber bahan
- Pencemaran kimia semasa penggunaan klorin
- Pelepasan GHG dari pembuatan paip

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Meningkatkan peratusan penggunaan bahan-bahan kitar semula untuk tangki simpanan dan sistem paip
- Mengelakkan pembaziran sumber semula jadi

### 2. Skop

Untuk membekalkan sistem Penuaian Air Hujan (RWH) yang mesra alam untuk penggunaan air bukan untuk diminum di rumah, tempat kerja dan taman. Sistem ini adalah bagi mengurangkan penggunaan air boleh diminum dan hanya untuk kegunaan non human contact sahaja.


### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Bahan-bahan komponen (plastik atau bukan logam) hendaklah dibuat tahan radiasi ultraungu (UV Radiation) untuk mengelakkan pengoksidaan kimia dan hendaklah mematuhi BS EN 607, BS EN 12.200-1, MS 1225 siri atau piawaian lain.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 30% bahan daripada plastik kitar semula mengikut berat.
- Kualiti air terhasil hendaklah mematuhi  $BOD \leq 10 \text{ mg / L}$ ,  $TSS \leq 10 \text{ mg / L}$  dan koliform

### 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM



- Pengeluar hendaklah menyediakan pengisytiharan dan / atau bukti yang menyokong bahawa tiada bahan cemar akan larut-resap dari permukaan bahan kepada air hujan yang disimpan dan juga kepada alam sekitar. Pengilang hendaklah mematuhi kepekatan maksimum bahan cemar dari Toxicity Characteristic Leaching Procedure (TCLP), peraturan 7 (1), Peraturan Kualiti Alam Sekitar 2005 seperti di jadual di bawah:

Unsur Logam Berat	Kepekatan Maksima (mg/L)
Arsenik	5
Barium	100
Kadmium	1
Kromium	5
Plumbum	5
Raksa	0.2
Selenium	1
Perak	5

- Bahan kimia diklasifikasikan sebagai berbahaya mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti Akta Kesihatan 1994 Keselamatan dan dan sistem Klasifikasi (67/548 / EEC) untuk rawatan permukaan tidak boleh melebihi 2% dalam berat badan.
- Sistem ini hendaklah dipasang di dalam sebuah bangunan di mana lokasi akan mengurangkan penggunaan tenaga. Lokasi pemasangan sistem yang amat disyorkan adalah di bawah bumbung. Jika sistem pam diperlukan, penggunaan tenaga hendaklah kurang daripada 3 kW/j / m3.

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Alat Tulis (Produk Berasaskan Kertas)

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar bagi produk kertas adalah:

- Kemusnahan hutan dan berpotensi tinggi untuk kehilangan biodiversiti.
- Penghasilan sisa dan bahan cemar semasa pengeluaran
- Pelepasan bahan cemar ke udara dan air semasa pengeluaran pulpa dan kertas
- Penggunaan sumber tenaga dan air yang banyak semasa pengeluaran
- Penggunaan bahan kimia yang banyak semasa pengeluaran

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pembelian kertas berdasarkan gentian kertas pasca-pengguna (kertas kitar semula) atau kertas berdasarkan serat dari kayu hutan dara yang dituai secara mampan.
- Pembelian kertas yang dihasilkan melalui proses bercirikan penggunaan tenaga dan pelepasan bahan cemar yang rendah.
- Mengelakkan bahan-bahan kimia pelunturan yang tertentu dalam proses pengeluaran kertas.

### 2. Skop


Untuk membekalkan sampul surat mesra alam dari kertas sekurang-kurangnya 90% mengikut berat, papan kertas atau substrat berasaskan kertas; buku latihan; pad nota; buku atau substrat berasaskan kertas; produk produk fail: folder; pengikat, fail penggantungan, indeks dan pembahagi, fail poket - yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 70% kertas, papan kertas atau substrat berasaskan kertas mengikut berat.

Kertas pendua karbon, kertas pendua tidak berkarbon dan kertas berasaskan mineral tidak termasuk di bawah skop.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Semua sumber bahan serat dalam komponen kertas boleh dikitar semula atau gentian serat dara perlulah memenuhi salah satu atau gabungan daripada syarat-syarat berikut:

- Semua bahan mentah dari Serat Kayu Hutan Dara (Virgin Wood Fibre) mesti diperolehi daripada hutan yang diperakui di bawah Forest Stewardship Council (FSC) atau Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) sebagai hutan diurus secara mampan (atau sijil yang setaraf); atau



- Semua gantian kayu dara mesti mempunyai skim pengurusan hutan mampan yang sah dan / atau rantai sijil jagaan dikeluarkan oleh skim pensijilan oleh pihak ketiga seperti Forest Stewardship Council (FSC) atau Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) atau yang setara atau
- Serat yang Kitar Semula (Recycle Fibre) yang memenuhi keperluan MS2080:2008 atau
- Mendapat pensijilan ekolabel atau yang setara dengannya
- Untuk Sisa Serat (Waste Fibre), 30% bahan Serat dihasilkan dari sisa pra-pengguna seperti papan / serpihan kayu dan kayu sisa daripada operasi pemprosesan kayu, sisa pengusahaan hutan, kayu perobohan tidak dirawat, dan lain-lain
- Untuk Serat bukan kayu 30% daripada bahan gantian keseluruhan berasal dari serat berasaskan bukan kayu; contohnya berasaskan buluh / kenaf dan lain-lain

#### 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Untuk serat kitar semula, kitar semula bahan-bahan dengan pengesahan daripada FSC atau PEFC atau setaraf akan diberikan mata tambahan
- Untuk gantian bukan berasaskan kayu , 50% serat yang digunakan dalam produk yang bukan berasaskan kayu hutan dara hendaklah dari ladang atau hutan yang disahkan sebagai diurus secara mampan di bawah skim pensijilan seperti FSC, PEFC, atau setara.

#### 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan EkoLabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Produk Berasaskan Getah

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar produk getah adalah:

- Penggunaan tenaga
- Penggunaan sumber
- Pelepasan bahan cemar yang memudaratkan
- Penjanaan sisa

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:


- Mempromosi produk yang tahan lama melalui penggunaan bahan-bahan yang dihasilkan dengan cara yang lebih mampan
- Untuk mengurangkan penggunaan bahan berbahaya dan pelepasan bahan pencemaran.
- Menggalakkan permintaan dan penawaran produk berasaskan getah yang dikitar semula

### 2. Skop

Produk berasaskan getah yang dihasilkan dari sebahagian atau sepenuhnya daripada getah asli atau getah yang dikitar semula. Antara kategori produk adalah:

- a) Bekalan pertanian dan hortikultur (contohnya hos taman)
- b) Bangunan dan bahan binaan (contohnya tikar, pad penebat bunyi)
- c) Produk Kejuruteraan awam dan mekanikal (contohnya produk pengurusan lalu lintas dan keselamatan jalan raya, sekatan lalu lintas dan halangan lebuhraya untuk jalan dan keselamatan awam)
- d) Lantai dan permukaan rawatan (contohnya permukaan taman permainan, tikar rumah)
- e) Bekas (contohnya unit kompos, tong sampah)
- f) Produk Marin (contohnya penampakan dan dapra marin)
- g) Barangan automotif (contohnya penampakan kereta, tikar kereta, cagakan getaran, tayar celup dan tayar)
- h) Barangan rumah dan bekalan pejabat (contohnya tikar tetikus, barangan rumah, sarung tangan isi rumah)
- i) Barangan Sukan (contohnya tikar sukan, trek balapan)
- j) Peralatan farmaseutikal dan perubatan

Bahan getah asli bermaksud bahan berasaskan getah kitar semula yang diperolehi daripada bahan reja, terpakai atau bahan buangan dan sisa sebatian getah melalui proses pengekstrakan mekanikal atau kimia.



### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Produk berasaskan getah hendaklah memenuhi kesemua standard prestasi dan peraturan-peraturan keselamatan penggunaan dalam fungsi tertentu
- Produk sarung tangan getah asli mestilah mematuhi Standard Malaysia Glove (SMG) atau
- Produk berasaskan getah asli mesti menyediakan bukti analisa dari makmal ujian yang diiktiraf (minimum 10% kandungan getah asli dalam produk) atau
- Produk berasaskan getah kitar semula mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 50%(w/w) bahan kitar semula getah

### 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Pengilang mempunyai dasar dan prosedur pengurangan sisa yang berkesan, termasuk langkah-langkah mengitar semula bahan-bahan buangan dari proses pengeluaran.
- Pengilang mempunyai Sistem Pengurusan Alam Sekitar

### 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Bagi Perkhidmatan Pembersihan

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi perkhidmatan pembersihan ialah:

- Kesihatan manusia.
- Ecotoxicity.
- Eutrofikasi.
- Penggunaan air.
- Penghasilan sisa.

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Mengelakkan penggunaan bahan-bahan berbahaya tertentu dalam produk pembersihan.
- Mengelakkan penggunaan fosforus dan menghehadkan penggunaan biosid (biocide) dalam produk pembersihan.
- Menyediakan maklumat tentang dos yang disyorkan.
- Mengurangkan penggunaan produk pembersihan dengan mengkaji semula pelan dan teknik pembersihan.
- Meningkatkan latihan kepada kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan.
- Mengurangkan kuantiti pembungkusan yang digunakan dan meningkatkan tahap kitar semula.


### 2. Skop

Menyediakan perkhidmatan pembersihan umum termasuk pembersihan bangunan, rumah, pembersihan tingkap untuk pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Ini termasuklah prosedur kontrak pembersihan (secara bulanan atau tahunan) dan perkhidmatan pencucian berkala.

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

Produk pembersihan tidak boleh mengandungi:

- Pencuci kebersihan berasaskan klorin dan pembersih tandas dan bilik mandi yang mengandungi asid bukan organik (inorganic acids).
- Penyegar udara kimia (haruman semula jadi / organik, contohnya pandan, serai, bunga melati, dan lain-lain hendaklah digunakan sebagai ganti).
- Pembersih longkang berasaskan kimia.
- Tisu pakai buang.
- Semburan mengandungi propelan.



## 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan akan diberikan kepada pembekal perkhidmatan yang memenuhi kriteria berikut:


- a) MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- b) Produk
  - Kertas tisu tandas dan beg plastik dari bahan kitar semula sepenuhnya
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan menggunakan kertas tisu, tisu tandas dan beg sampah yang mempunyai kandungan bahan kitar semula.
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan hendaklah menggunakan kepala mop yang boleh digunakan semula (reusable mop head).
  - Racun rumpai dan racun kulat yang tidak berasaskan bahan kimia
- c) Proses
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan hendaklah menggunakan dos yang sesuai bagi agen pembersihan (cleaning agent). Dalam usaha memastikan dos yang betul digunakan, semua kakitangan perlu mempunyai akses kepada alat pengukur dos (dosage device) atau bikar di kawasan tempat pembersihan dilakukan.
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan hendaklah mengasingkan atau menyisihkan sisa sewajarnya bagi meningkatkan pemuliharaan atau kitar semula bahan buangan (kertas, plastik, kaca, tin aluminium) sebelum menyalurkannya kepada pengumpul sisa awam.
- d) Tenaga Kerja
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan hendaklah memberi arahan bertulis yang mudah difahami tentang dos, pencairan, penggunaan dan pelupusan untuk semua ejen pembersihan, termasuk gambar rajah atau ilustrasi yang diperlukan (contohnya peranti dos, mendispens unit (dispensing unit), cawan pengukur dan lain lain) untuk mengelakkan penggunaan ejen pembersih secara berlebihan.
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan juga hendaklah menyediakan arahan kerja untuk pengenalpastian dan pengendalian bahan/ peralatan, prosedur yang sesuai untuk menyimpan bahan-bahan/ peralatan, dan mengasingkan sisa dan pelupusan.
  - Pembekal perkhidmatan pembersihan hendaklah menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai (personel protective equipment; PPE) kepada pekerja-pekerja mereka untuk melindungi mereka daripada risiko yang mungkin menyebabkan kecederaan atau menjejaskan kesihatan semasa bekerja.
  - Latihan kepada pekerja tentang prosedur pembersihan hendaklah disediakan oleh pembekal perkhidmatan pembersihan untuk meningkatkan pengetahuan tentang penggunaan air dan tenaga, kecekapan penggunaan agen pembersihan, teknik pembersihan yang sesuai untuk pelbagai jenis permukaan, dan amalan pembersihan hijau (termasuk program kitar semula, pengurusan sisa yang berkesan, dan lain-lain).

\*Pembekal perkhidmatan perlu menyediakan bukti latihan pekerja dalam bidang tertentu.



## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk pembersihan yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk pembersihan yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.



## Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Pusat Data Hijau

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi pusat data hijau adalah:

- Pelepasan GHG
- Penggunaan sumber tenaga yang tidak cekap

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga boleh baharu dan tenaga yang cekap

### 2. Skop

Mendapatkan perkhidmatan pusat data hijau (penyesuaian semula) dengan terjamin, secara kekal, dan memproses data yang banyak bagi tempoh masa yang panjang serta sebagai pusat pemulihan bencana bagi penggunaan di pejabat kerajaan, hospital dan sekolah

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Kecekapan Penggunaan Kuasa atau Power Usage Efficiency, (PUE) bersamaan atau kurang daripada  $\leq 1.9$
- Suhu Udara tidak kurang daripada 23°C
- Kelembapan sekitar 30% - 60%
- Kecekapan UPS (Uninterruptible Power Supply) perlulah bersamaan atau melebihi 90%

### 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- Kecekapan Penggunaan Kuasa (PUE) di bawah 1.6
- Penggunaan tenaga dari sumber boleh baharu dan penggunaan produk cekap tenaga
- Mempunyai polisi pengambilan semula untuk produk




- Mematuhi tahap had maksimum yang ditetapkan bagi pensijilan RoHS (Restriction of Hazardous Substances) untuk produk elektrik dan elektronik bagi bahan-bahan berikut:

Bahan	Had Maksimum / ppm
Lead (Pb)	< 1000 ppm
Mercury (Hg)	< 100 ppm
Cadmium (Cd)	< 100 ppm
Hexavalent Chromium	< 1000 ppm
Polybrominated Biphenyls (PBB)	< 1000 ppm
Polybrominated Diphenyl Ethers (PBDE)	< 1000 ppm
Bis(2-Ethylhexyl) phthalate (DEHP)	< 1000 ppm
Benzyl butyl phthalate (BBP)	< 1000 ppm
Dibutyl phthalate (DBP)	< 1000 ppm
Diisobutyl phthalate (DIBP)	< 1000 ppm

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Produk yang mempunyai MyHIJAU Mark dan/ atau pensijilan Ekolabel SIRIM atau dari mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf akan dianggap mematuhi kriteria.
- Produk yang tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti produk telah memenuhi keperluan. Dokumentasi boleh termasuk laporan audit, lampiran data teknikal, laporan ujian makmal yang diakreditasi dan lain-lain.
- Penggunaan produk yang telah mendapat MyHIJAU Mark dalam sistem pusat data dianggap telah mematuhi kriteria penganugerahan. Pembekal hendaklah menyediakan dokumentasi, analisis, laporan ujian atau pembuktian lain bagi menunjukkan pematuhan kriteria penganugerahan
- Pembekal hendaklah menyertakan senarai projek terdahulu dan pengalaman syarikat.



## Kriteria Khusus Untuk Pengurusan Fasilitas Bangunan

### 1. Impak Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Impak utama alam sekitar bagi pengurusan fasiliti bangunan adalah:

- Pelepasan GHG
- Penggunaan tenaga yang tidak cekap
- Berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan
- Kualiti Udara Dalaman

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Pengurangan kesan alam sekitar dengan penggunaan tenaga yang cekap di dalam sistem pengurusan fasiliti bangunan

### 2. Skop

Mendapatkan perkhidmatan pengurusan fasiliti bangunan kerajaan

### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebagai Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO)
- Syarikat mesti mempunyai kakitangan cekap berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) sebagai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (REEM) untuk pemasangan yang dilaksanakan oleh Pengurusan Cekap Peraturan Tenaga Elektrik (PPTEC) 2008
- Syarikat mesti mempunyai kakitangan yang kompeten sebagai Pengurus Tenaga yang Sah (Certified Energy Manager) yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) atau
- Kualiti udara dalaman perlulah mematuhi International Code of Practice (IAQ OSHA) atau
- Mematuhi garis panduan 3R yang ditetapkan (Guideline on Reduce, Reuse, Recycle)




## 4. Kriteria Penganugerahan

Mata tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- Syarikat perkhidmatan yang mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark
- Syarikat perkhidmatan hendaklah memberikan bukti kepada pematuhan alam sekitar dan kesihatan sebagai contoh OSHAS 18001, ISO 14001, dan lain-lain yang setaraf.

## 5. Pembuktian Dan Pengesahan

- Perkhidmatan yang mempunyai MyHIJAU Mark akan dianggap memenuhi kriteria.
- Perkhidmatan tidak mempunyai MyHIJAU Mark perlu menyediakan bukti bahawa mereka memenuhi spesifikasi. Dokumentasi termasuk bukti pensijilan seperti Sijil Pendaftaran Syarikat Perkhidmatan Tenaga dan Sijil Kursus Latihan Pengurus Tenaga.



## Kriteria Khusus Untuk Perkhidmatan Bengkel Automotif

### 1. Kesan Alam Sekitar Dan Pendekatan GGP

Kesan utama impak alam sekitar perkhidmatan bengkel automotif adalah:

- Kontaminasi dan pencemaran tanah.
- Pencemaran air
- Penggunaan tenaga
- Pembuangan gas GHG

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Bengkel yang mempunyai sistem pengurusan sisa terjadual
- Bengkel yang berdaftar dengan JAS
- Bengkel ini hendaklah terletak di kawasan yang ditetapkan mengikut keadaan atau keperluan kawal selia persekutuan
- Bengkel yang mematuhi kod amalan untuk selepas pasaran kenderaan motor (4R & 2S) standard industri

### 2. Skop

Perkhidmatan bengkel automotif merujuk kepada perkhidmatan membaiki dan menyelenggara kenderaan oleh mekanik, juruteknik dan juruelektik. Berikut adalah perkhidmatan yang disediakan:

- Membaiki kerosakan kenderaan (breakdown)
- Membaiki kerosakan kenderaan yang disebabkan oleh pelanggaran dan kemalangan termasuk barangan mekanikal, elektrik, kerja-kerja badan dan pembaikan cat
- Penyelenggaraan berjadual kenderaan
- Perkhidmatan penyelenggaraan khusus, pembaikan atau baik pulih (MRO) seperti bahagian badan, tayar dan penjajaran roda, pendawaian elektrik kereta, pembaikan pemanas pengudaraan dan penghawa dingin (HVAC), pembaikan kaca automotif, pemerincian dan pemasangan kenderaan




### 3. Spesifikasi Produk (Kriteria Mandatori)

- Semua sisa berbahaya / Buangan Terjadual / Minyak Digunakan / bateri terpakai tidak boleh dihantar ke tapak pelupusan sampah atau dilepaskan ke sistem saliran awam. Sisa mesti diangkut oleh kontraktor berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar ke kemudahan tapak yang dilesenkan untuk menerima / merawat / kitar semula sisa terjadual. Bukti bertulis atau rekod atas talian mestilah disimpan di premis untuk pengesahan.
- Sisa minyak dan bahan buangan kimia tidak boleh bercampur semasa penyimpanan. Ianya hendaklah disimpan di dalam bekas yang sesuai.
- Semua bahagian yang tercemar dengan minyak dan / atau gris hendaklah disimpan dalam dulang titisan (drip tray) atau di kawasan yang ditetapkan.
- Aktiviti mencuci kenderaan, pembersihan alat ganti dan lain-lain aktiviti yang berkaitan hendaklah dilakukan dalam kawasan washing bay bersambung dengan pemintas atau pemisah minyak untuk rawatan sebelum dilepaskan ke dalam sistem saliran awam.
- Bengkel automotif yang menyediakan perkhidmatan penghawa dingin tidak boleh menggunakan penyejuk yang diharamkan seperti di dalam Jadual (Peraturan 2) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 contohnya CFC11, CFC12, CFC113, CFC114, dan CFC115.

### 4. Kriteria Penganugerahan

Markah tambahan akan diberikan kepada produk yang memenuhi kriteria berikut:

- Produk yang mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark dan/atau pensijilan Ekolabel SIRIM
- Mematuhi peraturan-peraturan keselamatan negara dan / atau tempatan yang berkaitan dan alam sekitar. Contohnya Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994), Akta Kilang & Jentera 1967 (FMA 1967), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- Menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai (PPE) kepada pekerja bagi melindungi daripada risiko kecederaan
- Bengkel automotif yang menyediakan perkhidmatan pembaikan cat perlu menggunakan cat berasaskan air dan bilik semburan cat yang sesuai
- Prosedur pembersihan tumpahan bersama-sama dengan peralatan kecemasan yang sesuai hendaklah disediakan di tempat kerja. Kakitangan hendaklah dilatih dengan betul tentang cara pengendalian
- Mematuhi kod amalan bagi Motor Vehicle Aftermarket (4R & 2S).
- Perkhidmatan khusus di dalam perincian kenderaan
